

Pelanggaran Tatasusila Agama Dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia (Atm)

Sayed Mahussain Bin Sayed Ahmad & Mahani Binti Saud
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pelanggaran tatasusila agama dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Seramai 114 orang responden dalam kalangan anggota ATM daripada unit 91 Rejimen Bina RAJD di salah sebuah kem di Kuala Lumpur telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang mengandungi 32 item soalan. Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ialah $\alpha=0.913$. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 12.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min data. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman anggota ATM terhadap tatasusila agama berada pada tahap tinggi iaitu 4.55. Diikuti oleh pelanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan oleh anggota ATM berada pada tahap rendah iaitu 1.32. Kemudian, faktor-faktor yang mendorong anggota ATM melanggar tatasusila agama berada pada tahap rendah iaitu 2.03. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Abstract: This study had been conducted to identify the level of religion law disobeyed among Malaysian Armed Forces (MAF) personnel. 114 army personnels had been selected from one of the camp in Kuala Lumpur as respondents. The research instrument used in the study was set of questionnaire that contained 32 items. The reliability value of the research instrument was $\alpha=0.913$. The data gathered was analyzed using *Statistical Package for Social Science (SPSS)*, version 12.0 software to obtain the frequency, percentage and mean of the data. Overall findings of the study showed that the level of religion understanding among MAF personnel was at mean value 4.55 which can be considered at high level. Followed by religion law disobey attitude with mean value 1.32 which was low level. Then, the factors that influence MAF personnel to disobey religion law also with low mean value which was 2.03. At the end of the study, the researcher had proposed several suggestions to the related parties to ensure full attention is paid towards the studied problems. Suggestions for further research were also proposed for further research in the future.

Katakunci: anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pelanggaran tatasusila agama

Pengenalan

Pelanggaran hukum syarak ini sering dilakukan oleh semua golongan masyarakat sama ada orang awam, ahli politik, ahli korporat dan termasuklah dikalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Dalam bidang ketenteraan anggotanya telah diajar supaya mematuhi setiap peraturan yang telah ditetapkan. Nilai dan etika amat dititikberatkan dalam organisasi ini, sehinggakan tindakan yang tegas akan dikenakan ke atas anggota yang telah melanggarnya. Namun, sekiranya anggota tentera terlibat dengan gejala sosial yang melibatkan pelanggaran terhadap tatasusila agama, tetapi kurang diberi perhatian dan tiada tindakan yang sewajarnya diambil terhadap perkara tersebut.

Pernyataan Masalah

Organisasi ATM kini sedang dilanda dengan masalah tingkah laku anggotanya. Terdapat banyak kes yang berlaku melibatkan perkara yang dilarang dalam agama. Ada di antara isu-isu seperti ini tidak didedahkan

kerana sebab-sebab yang telah dibincangkan di atas. Pada dasarnya, aktiviti yang menyalahi syariat ini tidak dikategorikan sebagai jenayah kerana tidak melibatkan pelanggaran undang-undang negara amnya dan tata tertib ATM khususnya. Tetapi kesalahan yang dilakukan ini membawa satu keaiban kepada agama.

Antara kesalahan yang sering dilakukan oleh anggota ATM ialah meminum minuman keras, terlibat dalam penzinaan, dan perjudian. Walaupun ia dianggap perkara biasa dalam ketenteraan, namun ia merupakan kesalahan yang amat besar dalam syariat Islam. Sekaligus ia akan memberi kesan kepada pembinaan institusi ketenteraan sebuah negara Islam yang sepatutnya menjadi contoh dan ikutan oleh organisasi lain.

Justeru kajian ini dibuat untuk mencari dan mengenalpasti pelanggaran tatasusila agama dalam kalangan anggota ATM. Semoga hasil dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan idea dan pelaksanaan kepada organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ke atas peradaban serta pembentukan nilai-nilai murni di dalam sunubari anggota ATM.

Objektif Kajian

Objektif- bagi kajian ini adalah :-

- a. Mengetahui tahap kefahaman anggota ATM terhadap tatasusila agama.
- b. Mengetahui pelanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan oleh anggota ATM.
- c. Mengetahui faktor-faktor yang mendorong anggota ATM melanggar tatasusila agama.

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap memberi gambaran sebenar tentang isu fenomena dan keadaan sebenar pelanggaran tatasusila agama yang berlaku dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Hasil kajian yang diperolehi diharap dapat menjadi rujukan kepada organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kepada pembentukan nilai-nilai murni dalam setiap diri anggota tentera. Antara organisasi yang terlibat sepenuhnya dalam pembentukan nilai-nilai murni ini adalah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT).

Kajian ini nanti akan menyenaraikan faktor-faktor yang menjadi pendorong anggota tentera melanggar tatasusila agama. Justeru, hasil dapatan kajian akan dapat menjadi bahan rujukan pihak KAGAT dalam merancang strategi untuk mengurangkan seterusnya menghapuskan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh segelintir ATM yang melanggar tatasusila agama. Melalui hasil kajian ini nanti diharap dapat menjadi pemangkin kepada penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan melanggar tatasusila agama Islam.

Skop Kajian

Kajian ini akan dijalankan ke atas anggota tentera darat yang berkhidmat di salah sebuah kem di Kuala Lumpur. Responden kajian terdiri daripada 114 orang anggota tentera darat yang berkhidmat dalam Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD). Keseluruhan anggota di pasukan ini adalah seramai 380 orang iaitu terdiri daripada 17 orang pegawai dan 363 orang anggota lain-lain pangkat.

Fokus kajian ini meliputi perkara-perkara yang disenaraikan di dalam objektif meliputi kajian terhadap faktor luaran dan faktor dalaman yang mendorong pelanggaran tatasusila agama. Contoh faktor luaran adalah latar belakang pendidikan agama, rakan setugas, suasana kerja dan tahap beban tugas yang

ditanggung. Manakala faktor dalaman adalah dari sudut kefahaman agama Islam itu sendiri, penghayatan dan tahap implementasi anggota terhadap syariat Islam secara keseluruhan.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian melibatkan semua anggota tentera yang berada di unit 91 Rejimen Bina RAJD. Ia melibatkan anggota ATM yang berumur antara 20 tahun hingga 45 tahun. Pemilihan sampel kajian adalah secara rawak kelompok iaitu melibatkan 114 anggota bawahan lain-lain pangkat. Sampel ini diambil 30% daripada populasi, ia berikutan pendapat Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 38), yang menyatakan jumlah 30% sampel sudah mencukupi. Pemilihan sampel diharap dapat memenuhi objektif kajian melalui maklumat yang diperolehi daripada responden.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian dalam penyelidikan adalah berbentuk set soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan objektif kajian. Menurut Najib Ghafar soal selidik boleh digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar (Najib Ghafar, 1999:88).

Set borang soal selidik ini mengandungi 30 soalan yang terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Soalan ini akan diedarkan kepada setiap anggota tentera yang dipilih sebagai responden. Bahagian A adalah terdiri daripada kandungan pernyataan berkaitan dengan biodata dan latar belakang responden. Bahagian B terdiri daripada soalan yang dibina berdasarkan objektif kajian.

Item-item yang dipilih ini diklasifikasikan berdasarkan kepada 3 aspek utama iaitu mengenalpasti tahap kefahaman anggota tentera terhadap tatasusila agama (10 item), mengenalpasti pelanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan oleh anggota tentera (10 item), dan faktor-faktor pendorong ATM melanggar tatasusila agama (12 item). Setiap soalan dibahagian ini dipadankan dengan lima aras skala Likert untuk membuat pilihan.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini dibuat untuk menguji soalan soal selidik. Ia bertujuan untuk menguji kesukaran dan juga kejelasan soalan soal selidik ini. Penyelidik perlu membuat pra ujian. Oleh itu, penyelidik telah memilih 20 orang responden secara rawak yang terdiri daripada anggota tentera yang berpangkat Sappers.

Setelah mendapat kembali soalan soal selidik, penyelidikan memilih kaedah untuk memproses data iaitu menggunakan perisian komputer "Statistical Package For Social Science" (SPSS) versi 12.0. Setelah proses kajian rintis selesai dan keputusan nilai alpha (kesahan dan kebolehpercayaan) diperolehi menunjukkan 0.913. Nilai ini adalah tinggi dan menunjukkan soal selidik ini boleh diguna pakai (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 74). Apabila nilai *Alpha* yang tinggi diperolehi, maka set soalan boleh digunakan untuk kajian dan diedarkan kepada responden.

Keputusan

Jadual 1: Rumusan dapatan kajian tahap kefahaman warga anggota tentera terhadap tatasusila agama

Item	Pernyataan		STS	TS	TP	S	SS	Min
1	Sebagai seorang muslim, saya wajib mematuhi segala perintah Allah yang ditetapkan dalam al-Quran dan as-Sunnah.	Bil %	- -	- -	- -	2 1.8%	112 98.2%	4.98
2	Menunaikan solat Lima Waktu adalah wajib bagi seorang Muslim.	Bil %	- -	- -	- -	4 3.5%	110 96.5%	4.96
3	Meninggalkan solat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran adalah tergolong sebagai kufur.	Bil %	2 1.8%	1 0.9%	1 0.9%	7 6.1%	103 90.4%	4.82
4	Saya yakin bahawa solat itu dapat mencegah diri daripada melakukan maksiat.	Bil %	- -	- -	- -	32 28.1%	82 71.9%	4.72
5	Saya sedar bahawa meninggalkan kewajipan solat, puasa dan mengeluarkan zakat adalah satu dosa dalam Islam.	Bil %	- -	- -	1 0.9%	31 27.2%	82 71.9%	4.71
6	Mengeluarkan zakat dapat menyucikan hati dan dapat membersihkan harta.	Bil %	- -	1 0.9%	- -	38 33.3%	75 65.8%	4.63
7	Perbuatan berjudi, minum arak dan zina itu adalah haram dan ia ditegah bagi setiap orang Islam.	Bil %	1 0.9%	- -	- -	2 1.8%	111 97.4%	4.95
8	Sebagai umat Islam saya diuntut membaca al-Quran dan mengamalkan ajarannya.	Bil %	- -	- -	- -	6 5.3%	108 94.7%	4.97
9	Perbuatan mengkhianati amanah dan penyelewengan adalah perbuatan orang munafik..	Bil %	1 0.9%	3 2.6%	- -	35 30.7%	75 65.8%	4.58
10	Sebagai seorang anggota tentera, saya merasakan tidak menjadi satu kesalahan sekiranya saya tidak solat dan puasa.	Bil %	59 51.8%	26 22.8%	2 1.8%	7 6.1%	20 17.5%	2.15
Purata min keseluruhan								4.55

n=114

Berdasarkan jadual 1, terdapat 10 item yang telah digunakan untuk mengetahui tahap kefahaman warga anggota tentera tentang agama. Min yang tertinggi bagi item ini ialah pada item 1 iaitu pernyataan tentang 'segala perundangan Islam ditetapkan oleh Allah SWT melalui al-Quran dan as-Sunnah dan sebagai seorang muslim wajib mematuhi perintahNya' dengan min sebanyak 4.98. Manakala item yang mencatatkan mni yang terendah adalah pada item 10 iaitu pernyataan tentang 'sebagai seorang anggota tentera, saya merasakan tidak menjadi satu kesalahan sekiranya saya tidak solat dan puasa' dengan min sebanyak 2.15. Purata min keseluruhan bagi item ini ialah 4.55. Ini menunjukkan tahap kefahaman anggota tentera terhadap tatasusila agama berada pada tahap tinggi.

Jadual 2: Rumusan dapatan kajian perlanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan oleh anggota ATM

Item	Pernyataan		STS	TS	TP	S	SS	Min
11	Saya seringkali mengambil minuman yang memabukkan.	Bil %	83 72.8%	25 21.9%	4 3.5%	2 1.8%	-	1.34
12	Saya pernah melakukan hubungan seksual tanpa ikatan pernikahan.	Bil %	80 70.2%	31 27.2%	1 0.9%	2 1.8%	-	1.34
13	Saya pernah terlibat dengan penyalahgunaan dadah.	Bil %	81 71.1%	32 28.1%	1 0.9%	-	-	1.30
14	Saya sering mengunjungi kelab malam, pusat permainan 'game' dan pusat snuker.	Bil %	78 68.4%	33 28.9%	2 1.8%	1 0.9%	-	1.35
15	Saya sering menghabiskan masa bersama teman yang berlainan jenis di panggung wayang dan kelab malam pada hujung minggu.	Bil %	79 69.3%	34 29.8%	1 0.9%	-	-	1.32
16	Saya pernah terlibat dengan perjudian seperti membeli number ramalan, bertaruh dalam perlawanan kuda dan sebagainya.	Bil %	78 68.4%	33 28.9%	2 1.8%	1 0.9%	-	1.35
17	Saya pernah terlibat dengan gejala rasuah.	Bil %	81 71.1%	32 28.1%	1 0.9%	-	-	1.29

18	Saya sering mengabaikan rukun Islam seperti solat 5 waktu, puasa di bulan ramadhan dan membayar zakat.	Bil %	93 81.6%	17 14.9%	3 2.6%	1 0.9%	-	1.23
19	Saya pernah terlibat dengan pergaduhan yang mengakibatkan kecederaan sama ada dalam kem atau di luar kem.	Bil %	83 72.8%	22 19.3%	3 2.6%	6 5.3%	-	1.40
20	Saya pernah terlibat dalam kes kecurian atau rompakan.	Bil %	81 71.1%	31 27.2%	1 0.9%	1 0.9%	-	1.32
Purata min keseluruhan								1.32

Merujuk kepada jadual 2, terdapat 10 item yang telah digunakan untuk mengetahui pelanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan. Min yang tertinggi bagi item ini ialah pada item 19 iaitu pernyataan tentang 'saya pernah terlibat dengan pergaduhan sama ada dalam kem atau di luar kem' dengan min sebanyak 1.40. Manakala item yang mencatatkan min yang terendah adalah pada item 18 iaitu pernyataan tentang 'saya sering mengabaikan rukun Islam seperti solat 5 waktu, puasa di bulan ramadhan dan membayar zakat' dengan min sebanyak 1.23. Purata min keseluruhan bagi item ini ialah 1.32. Ini menunjukkan tahap pelanggaran tatasusila agama dikalangan anggota berada pada tahap rendah.

Jadual 3: Rumusan dapatan kajian faktor-faktor yang mendorong anggota ATM melanggar tatasusila agama

Item	Pernyataan		STS	TS	TP	S	SS	Min
21	Saya melakukan aktiviti sosial seperti hubungan seks tanpa ikatan pernikahan kerana dorongan dari rakan-rakan.	Bil %	80 70.2%	33 28.9%	1 0.9%	-	-	1.31

22	Rakan-rakan sering mempengaruhi saya untuk pergi ke kelab malam, pusat permainan 'game' dan pusat snuker.	Bil %	63 55.3%	50 43.9%	-	1 0.9%	-	1.46
23	Tekanan tempat kerja mendorong saya mengunjungi ke tempat-tempat tersebut bagi menenangkan fikiran.	Bil %	59 51.8%	50 43.9%	4 3.5%	1 0.9%	-	1.53
24	Saya seringkali mengambil minuman yang memabukkan untuk mengurangkan tekanan kerja.	Bil %	65 57.0%	48 42.1%	1 0.9%	-	-	1.44
25	Persekitaran kem memberi peluang melakukan aktiviti berjudi sesama rakan-rakan.	Bil %	66 57.9%	47 41.2%	1 0.9%	-	-	1.43
26	Kurangnya didikan agama menyebabkan saya seringkali melanggar tatasusila agama.	Bil %	40 35.1%	47 41.2%	1 0.9%	15 13.2%	11 9.6%	2.21
27	Program kerohanian yang dianjurkan oleh KAGAT amat sedikit menyebabkan ramai anggota seringkali lupa tentang tanggung jawab sebagai seorang muslim.	Bil %	31 27.2%	30 26.3%	6 5.3%	41 36.0%	6 5.3%	2.66
28	Ibu bapa seringkali menegur sekiranya saya melakukan kesalahan sehingga menyebabkan saya tertekan dan memberontak.	Bil %	53 46.5%	53 46.5%	2 1.8%	4 3.5%	2 1.8%	1.68

29	Kegagalan ibu bapa dalam memberi perhatian terhadap didikan agama yang menyebabkan saya melakukan perkara yang dilarang dalam agama.	Bil %	47 41.2%	45 39.5%	3 2.6%	5 4.4%	14 12.3%	2.07
30	Sebagai anggota tentera saya merasa bangga apabila dapat melakukan semua aktiviti sosial yang dilarang dalam agama.	Bil %	48 42.1%	6 5.3%	1 0.9%	32 28.1%	27 23.7%	2.86
31	Peraturan yang ditetapkan hanya mengarah kepada pembentukan disiplin ketenteraan sedangkan aspek kewajipan keagamaan seringkali diabaikan.	Bil %	39 34.2%	33 28.9%	5 4.4%	23 20.2%	14 12.3%	2.17
32	Ketiadaan perlaksanaan hukuman bagi kesalahan pelanggaran tatasusila agama menyebabkan anggota seringkali mengulangi kesalahan yang sama.	Bil %	17 14.9%	31 27.2%	7 6.2%	21 18.4%	38 33.3%	3.28
Purata min keseluruhan								2.03

Jadual 3 di atas terdapat 12 item yang telah digunakan untuk mengetahui faktor-faktor yang mendorong anggota tentera melanggar tatasusila agama. Min yang tertinggi bagi item ini ialah pada item 32 iaitu pernyataan tentang 'ketiadaan perlaksanaan hukuman bagi kesalahan pelanggaran tatasusila agama menyebabkan anggota seringkali mengulangi kesalahan yang sama.' dengan min sebanyak 3.29. Manakala item yang mencatatkan min yang terendah adalah pada item 21 iaitu pernyataan tentang 'saya melakukan aktiviti sosial seperti hubungan seks tanpa ikatan pernikahan kerana dorongan dari rakan-rakan' dengan min sebanyak 1.31. Purata min keseluruhan bagi item ini ialah 2.03. Ini menunjukkan faktor-faktor yang mendorong anggota tentera melanggar tatasusila agama berada pada tahap rendah.

Perbincangan

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Kajian ini dijalankan ke atas 114 responden dengan menggunakan kaedah persampelan yang diambil secara rawak daripada populasi.

Berdasarkan penganalisisan data di dalam Bab IV, sebanyak 88.6% anggota adalah responden lelaki, berbanding responden perempuan sebanyak 11.4%. Ini kerana majoriti anggota terdiri daripada lelaki. Kebanyakan responden terdiri 25.4% daripada anggota yang berumur antara 20-25 tahun sementara 24.6% terdiri daripada responden berumur 26-29 tahun. Berdasarkan statistik status, majoriti daripada responden adalah terdiri daripada anggota yang sudah berkahwin iaitu 69.3%. Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada anggota mengambil keputusan untuk berkahwin diusia muda bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan perkara yang melalaikan dan maksiat.

Jika ditelusuri berdasarkan pangkat pula, majoriti daripada anggota terdiri daripada pangkat Sappers iaitu 37.7%. Sebanyak 31.6% responden terdiri di kalangan anggota yang berkhidmat selama 16-20 tahun. Ini menunjukkan responden mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan ketenteraan. Oleh itu, kajian ini diharapkan menghasilkan maklum balas yang lebih tepat. Dari segi tahap pendidikan pula, majoriti daripada responden mendapat pendidikan pada tahap SPM iaitu sebanyak 83.3%.

Merujuk kepada pekerjaan bapa, majoriti bapa responden bekerja sendiri iaitu sebanyak 57.9%. Bagi pekerjaan ibu pula, majoriti ibu responden adalah suri rumah iaitu sebanyak 57.9%. Ini menunjukkan kebanyakan ibu bapa responden mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Kurangnya ilmu pengetahuan untuk menjadi ibu bapa yang cemerlang dalam mendidikan anak-anak. Menurut Ghazali Darusalam (2001:316), faktor ekonomi turut menghambat perkembangan peribadi anak-anak. Andai kata hidup dalam kesusahan, ditambah sikap orang tua yang tidak menitikberatkan pelajaran pasti anak tidak dapat memandang masa depan yang cerah.

Bahagian B: Tahap Kefahaman Anggota ATM Terhadap Tatasusila Agama

Sebanyak 10 item telah dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapat maklum balas mengenai tahap kefahaman anggota tentera tentang tatasusila agama. Berdasarkan jadual 4.41, sebanyak semua anggota bersetuju bahawa sebagai seorang muslim, mereka wajib mematuhi perintah Allah yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan as-Sunah. Menurut Ishak Mohd Rejab (1992:225), seseorang yang menganut agama Islam bertanggungjawab memahami ajaran agama yang dianutinya dengan betul. Mengetahui tentang hukum yang diperintah dan ditegah amat penting bagi setiap umat Islam. Dengan pengetahuan yang ada dapat melindungi diri mereka daripada melakukan perkara yang yang dilarang dalam agama.

Hasil kajian juga mendapati semua anggota bersetuju bahawa menunaikan solat lima waktu adalah wajib bagi seorang Muslim. Menurut Mukhlas Asy-Syarkani Al-Falahi (2006:28), sembahyang adalah ibadah utama sisi Islam. Jika solatnya baik, maka baiklah semua amal perbuatannya. Sebanyak 96.5% responden bersetuju bahawa meninggalkan solat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran adalah tergolong sebagai kufur. Ini menunjukkan masih terdapat anggota yang tidak faham hukum meninggalkan solat. Menurut Hanafi Mohamed (2004: 4), meninggalkan solat fardu lima waktu boleh menyebabkan runtuhnya tiang agama, membatalkan iman dan hak sesama Islam. Tanpa tiang tiada bangunan atau jambatan yang boleh didirikan. Apalagi untuk dipasang dinding atau bumbung. Samalah keadaannya seperti orang yang berpuasa, berzakat fitrah, menunaikan haji tetapi tidak solat lima waktu. (Yusof Abbas, 2006: 19)

Selain itu, hasil kajian mendapati semua anggota bersetuju bahawa mereka yakin bahawa solat itu dapat mencegah diri daripada melakukan maksiat. Sesungguhnya, solat dapat melindungi diri daripada perkara yang berbau kemaksiatan. Menurut Mukhlas Asy-Syarkani Al-Falahi (2006:33), solat dapat mendekatkan diri kepada Allah dan hati akan menjadi tenang. Oleh itu, dengan sendirinya ia dapat menghalang nafsu untuk melakukan kemungkaran.

Seterusnya, hasil kajian mendapati 99.1% anggota bersetuju bahawa meninggalkan kewajipan solat, puasa dan mengeluarkan zakat adalah satu dosa dalam Islam. Kesedaran tentang kewajipan yang perlu

dilaksanakan amat penting dalam usaha meningkat kualiti dalam pekerjaan harian. setiap ibadah wajib perlu dilaksanakan dengan sempurna dan secara tidak langsung kerja-kerja yang lain akan sempurna.

Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 99.1% anggota bersetuju bahawa mengeluarkan zakat dapat menyucikan hati dan dapat membersihkan harta. Hati yang suci akan memberi ketenangan jiwa. Begitu juga dengan harta yang bersih akan menambahkan keberkatan hidup. Justeru ia dapat memberi semangat dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Sebanyak 99.1% responden bersetuju bahawa perbuatan berjudi, minum arak dan zina itu adalah haram dan ia ditegah bagi setiap orang Islam. Menurut Johari Haji Alias (1991: 224), kebaikan dan kejahatan yang dilakukan oleh diri atau tubuh seseorang, sebenarnya melibatkan banyak anggota fizikal tubuh. Agama Islam mewajibkan setiap umatnya supaya mengawal dengan rapi penggunaan anggota tubuh itu agar tidak disalahgunakan. Ini kerana semua anggota tubuh tersebut akan menjadi saksi utama dalam perbicaraan dihadapan Allah S.W.T.

Berdasarkan dapatan kajian sebanyak semua anggota bersetuju bahawa umat Islam dituntut membaca al-Quran dan mengamalkan ajarannya. Kesedihan dan kegembiraan sering bertukar ganti dalam kehidupan manusia. Namun, disebalik musibah pasti ada ganjarannya. Justeru, al-Quran merupakan kekuatan umat Islam dan panduan dalam perjalanan hidup yang hakiki.

Seterusnya, hasil dapatan kajian menunjukkan sebanyak 96.5% anggota bersetuju bahawa perbuatan mengkhianati amanah dan penyelewengan adalah perbuatan orang munafik. Menurut Haji Johari Haji Alias (1991: 139), orang munafik akan ditempatkan di dalam neraka yang di bawah sekali, ia berikutan dengan firman Allah dalam surah an-Nisa'. Sifat dusta, tidak menepati janji dan mengkhianati amanah itu digolongkan sebagai sifat-sifat orang munafik.

Berdasarkan dapatan kajian, sebanyak 74.6% responden tidak bersetuju bahawa sebagai seorang anggota tentera, merasakan tidak menjadi satu kesalahan sekiranya tidak solat dan puasa. Ini menunjukkan majoriti daripada anggota tentera mengambil berat tentang rukun Islam. Mereka juga mempunyai kesedaran tentang tanggung jawab dan kewajiban dalam melaksanakan perintah Allah S.W.T. Namun, ada sebilangan kecil daripada anggota tentera yang mengabaikannya perintahNya iaitu sebanyak 23.6%.

Secara keseluruhannya, purata min bagi tahap pemahaman anggota tentera terhadap tatasusila agama berada ditahap yang tinggi iaitu 4.55. ini jelas menunjukkan responden bahawa responden mengetahui setiap hukum-hukum agama dan landasan yang perlu diikuti sebagai seorang muslim.

Bahagian C: Pelanggaran Tatasusila Agama Yang Sering Dilakukan oleh Anggota ATM.

Sebanyak 10 item telah dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapat maklum balas mengenai pelanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan. Berdasarkan jadual 2 dapatan kajian menunjukkan hanya 1.8% anggota yang bersetuju bahawa mereka seringkali mengambil minuman yang memabukkan. Arak merupakan ibu kepada maksiat. Dengan pengambilan arak ia akan mendorong kepada melakukan kesalahan yang lain seperti berzina, memukul, membunuh dan kesalahan-kesalahan lain. Selain itu, arak boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan dalaman dan luaran. Ia juga akan memberi kesan terhadap akal dan akan menurunkan kualiti kerja. Dengan adanya pemahaman agama, maka seseorang itu akan jauhkan diri daripada arak.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati sebanyak 1.8% responden bersetuju bahawa pernah melakukan hubungan seksual tanpa ikatan pernikahan. Berikutan dapatan kajian menunjukkan jumlah anggota tentera yang terlibat dalam kes zina adalah dalam kuantiti yang kecil. Walaubagaimana pun, zina amat ditegah dalam Islam. Ia merupakan perbuatan yang keji dan amat dimurkai oleh Allah. Perbuatan ini dipandang

keji kerana ia telah menodai kesucian keturunan yang perlu dipelihara dengan baik. Di samping itu perbuatan zina akan membawa kepada kemudharatan kepada manusia seperti AIDS dan HIV.

Hasil dapatan kajian juga mendapati sebanyak 0.9% anggota bersetuju bahawa mereka sering mengunjungi kelab malam, pusat permainan 'game' dan pusat snuker. Merujuk kepada dapatan kajian menunjukkan bilangan anggota yang terlibat aktiviti yang melanggar tatasusila agama adalah sedikit. Tempat-tempat tersebut merupakan sarang maksiat. Semestinya setiap umat Islam perlu menghindari diri daripada mengunjungi tempat tersebut.

Berdasarkan dapatan kajian sebanyak 0.9% responden bersetuju bahawa pernah terlibat dengan perjudian seperti membeli nombor ramalan, bertaruh dalam perlawanan kuda dan sebagainya. Islam mengharamkan perjudian kerana aktiviti ini berunsur penindasan. Ekoran daripada penindasan ini akan membawa kepada pergaduhan. Konsep Islam mementingkan kesejahteraan hidup yang diinginkan kedamaian dan keharmonian dalam menjalankan aktiviti sosial.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati sebanyak 0.9% responden bersetuju bahawa mereka sering mengabaikan rukun Islam seperti solat 5 waktu, puasa di bulan ramadhan dan membayar zakat. Menunaikan rukun Islam adalah wajib. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa anggota tentera memahami tentang hakikat itu. Namun begitu, masih ada yang mengabaikannya. Solat itu dapat menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang dilarang. Dengan solat juga akan mendorong seseorang itu untuk melakukan perkara yang baik.

Hasil dapatan kajian juga mendapati sebanyak 5.3% anggota bersetuju bahawa mereka pernah terlibat dengan pergaduhan sama ada dalam kem atau di luar kem. Dalam kes pergaduhan ini peratusnya meningkat sedikit berbanding dengan kes-kes yang lain. Menurut Johari Haji Alias (1991: 230), ekoran dari berbantah-bantah dan bertengkar, nafsu yang mahukan menang itu terus mencabar hatinya, lalu terjadilah sikap bermusuhan atau pertelingkahan kerana malu. Oleh itu, disebabkan keinginan mempertahankan maruah akan mendorong kepada pergaduhan.

Berdasarkan dapatan kajian sebanyak 0.9% responden bersetuju bahawa mereka pernah terlibat dalam kes kecurian. Kes kecurian semakin berleluasa, namun dalam organisasi ini amat sedikit berbanding dengan dunia luar. Kecurian satu jenayah yang boleh timbul pergaduhan dan membebani orang lain. Setiap ajaran Islam perlu diaplikasi dalam kehidupan harian untuk kesenangan diri dan kesejahteraan orang disekeliling.

Secara keseluruhannya, purata min bagi pelanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan iaitu 1.32. Ini menunjukkan tahap pelanggaran tatasusila agama di kalangan anggota tentera adalah berada ditahap rendah. Ekoran daripada pemahaman agama yang tinggi, jadi anggota akan menghindari diri daripada melakukan aktiviti yang melanggar tatasusila agama.

Bahagian D: Faktor-faktor Yang Mendorong Anggota ATM Melanggar Tatasusila Agama

Sebanyak 12 item telah dikemukakan melalui soal selidik untuk mendapat maklum balas mengenai faktor-faktor yang mendorong anggota tentera melanggar tatasusila agama. Antara faktor yang mempengaruhi melakukan aktiviti sosial yang terlarang dalam Islam adalah rakan-rakan. Walaupun, pengaruh rakan sebaya ini amat berpengaruh di kalangan remaja, di kalangan orang dewasa juga memberi kesan walaupun sedikit. Hal ini, dapat dibuktikan melalui dapatan kajian sebanyak 0.9% responden bersetuju bahawa rakan-rakan sering mempengaruhi untuk pergi ke kelab malam, pusat permainan 'game' dan pusat snuker.

Hasil dapatan kajian juga mendapati sebanyak 0.9% anggota bersetuju bahawa tekanan tempat kerja mendorong untuk mengunjungi ke tempat-tempat tersebut bagi menenangkan fikiran. Seseorang yang tertekan akan melakukan apa sahaja untuk menghilangkan tekanan tersebut. Orang yang didorong oleh hawa nafsu akan melakukan aktiviti yang melanggar tatasusila agama untuk menghilangkan tekanan. Ianya berlainan cara penyelesaiannya bagi orang yang memahami agama dengan baik.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati sebanyak 22.8% responden bersetuju bahawa kurangnya didikan agama menyebabkan mereka seringkali melanggar tatasusila agama. Didikan agama amat penting bagi setiap umat Islam. Didikan agama merupakan didikan sepanjang hayat yang perlu diberikan sejak dari lahir sehingga ke akhir hayat. Kurangnya didikan menyebabkan seseorang itu mudah terjerumus dalam kancuh maksiat.

Berdasarkan dapatan kajian sebanyak 41.3% responden bersetuju bahawa program kerohanian yang dianjurkan oleh KAGAT amat sedikit menyebabkan ramai anggota seringkali lupa tentang tanggung jawab sebagai seorang muslim. Manusia tidak dapat lari daripada lupa. Oleh itu, kita perlu diingati selalu agar tidak lalai dan lupa tanggung jawab kepada Allah SWT.

Hasil dapatan kajian juga mendapati sebanyak 5.3% anggota bersetuju bahawa ibu bapa seringkali menegur sekiranya mereka melakukan kesalahan sehingga menyebabkan mereka tertekan dan memberontak. Setiap kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak perlu ditegur dan dibetulkan. Namun, pendekatan yang bijaksana perlu dimainkan oleh ibu bapa. Ianya penting menggunakan cara hikmah untuk mendorong tindak balas positif. Penerimaan secara positif, akan memberi kesan yang baik.

Seterusnya, dapatan kajian mendapati sebanyak 16.7% responden bersetuju bahawa kegagalan ibu bapa dalam memberi perhatian terhadap didikan agama yang menyebabkan mereka melakukan perkara yang dilarang dalam agama. Kebanyakan ibu bapa hanya memastikan kecemerlangan akademik anak-anak. Tetapi dari sudut kecemerlangan akhlak dan ibadah kurang dititikberatkan. Sehingga apabila dewasa anak-anak ini banyak terlibat dengan aktiviti sosial yang melanggar tatasusila agama.

Berdasarkan dapatan kajian sebanyak 51.8% responden bersetuju bahawa Sebagai anggota tentera mereka merasa bangga apabila dapat melakukan semua aktiviti sosial yang dilarang dalam agama. Faktor diri sendiri antara penyumbang yang besar dalam kesalahan melanggar tatasusila agama. Walaupun, seseorang itu mempunyai latar belakang agama. Sekiranya, dirinya tidak mengendahakan tentang hukum dan balasan yang dijanjikan oleh Allah SWT bagi setiap kebaikan dan keburukan yang dilakukan. Orang ini boleh dikatakan sebagai sombong dan angkuh kerana merasa bangga dengan setiap kesalahan yang dilakukannya.

Hasil dapatan kajian juga mendapati sebanyak 22.5% anggota bersetuju bahawa peraturan yang ditetapkan hanya mengarah kepada pembentukan disiplin ketenteraan sedangkan aspek kewajiban keagamaan seringkali diabaikan.. Pelanggaran etika dalam ketenteraan akan dikenakan hukuman. Namun, bagi kesalahan yang berhubungkait dengan tatasusila agama tidak diambil tindakan. Oleh kerana itu, anggota seringkali mengulangi kesalahan yang sama. Ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian sebanyak 51.7% anggota bersetuju bahawa ketiadaan perlaksanaan hukuman bagi kesalahan pelanggaran tatasusila agama menyebabkan anggota seringkali mengulangi kesalahan yang sama. Menurut Hamka (2003: 15), untuk membaiki atau menjaga akhlak rosak, maka telah disediakan dua penjagaan. Pertama, menjaga masyarakat. Kedua, menyediakan ancaman hukuman.

Secara keseluruhannya, min bagi faktor pelanggaran tatasusila agama yang sering dilakukan iaitu 2.03. Ini menunjukkan faktor-faktor yang mendorong anggota tentera melanggar tatasusila agama berada tahap sederhana.

Rumusan

Daripada analisis dan perbincangan yang dibuat, penyelidik telah membuat rumusan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Di sini, penyelidik akan merumuskan semua dapatan kajian yang diperolehi sebagaimana berikut :

- a. Penyelidik mendapati majoriti responden terdiri di kalangan yang sudah berumahtangga iaitu sebanyak 69.3%. Kebanyakan responden berkahwin diusia yang muda iaitu antara 20-25 tahun.
- b. Hasil daripada kajian, diperhatikan bahawa majoriti responden mengetahui bahawa perkara-perkara rukun atau kewajipan agama yang diperintahkan Allah jika kita laksanakan dengan sempurna dapat mendisiplinkan diri, membentuk akhlak yang terpuji dan dapat menjadi benteng kepada perbuatan maksiat yang dilarang dalam agama. Ini jelas berdasarkan min yang diperolehi adalah tinggi iaitu 4.71.
- c. Hasil daripada kajian juga menunjukkan majoriti responden menafikan sebagai anggota tentera terlepas daripada suruhan dan larangan Allah S.W.T. Secara keseluruhan majoriti responden telah mempunyai pengetahuan agama yang baik. Ini menunjukkan tahap kesedaran anggota tentera dewasa ini terhadap perbuatan yang menyalahi tatasusila agama telah meningkat. Ini dapat dilihat melalui min keseluruhannya berada ditahap yang tinggi iaitu 4.55.
- d. Hasil daripada kajian, terdapat beberapa aktiviti-aktiviti yang menyalahi tatasusila agama yang dilakukan oleh anggota tentera. Walau bagaimanapun, kes-kes ini hanya merangkumi jumlah yang minoriti daripada kebanyakan responden. Kebanyakan responden tidak melakukan aktiviti-aktiviti yang menyalahi tatasusila agama. Dengan berbekalkan pengetahuan agama yang baik, responden dapat membezakan garis panduan halal haram yang ditetapkan oleh Islam. Min menunjukkan ia berada ditahap rendah. Iaitu 1.32.
- e. Antara faktor utama yang mendorong kepada perlanggaran tatasusila ini adalah kurang didikan agama. Selain itu, faktor diri sendiri yang merasa tidak berdosa malah berbangga dengan perbuatan yang menyalahi tatasusila tersebut, min bagi item ini berada ditahap sederhana 2.86.

Rujukan

- Mahmud Yunus, Prof. Dr. H. (2007). *Tafsir Mahmud Yunus al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Afzalur Rahman (1988). *Ensiklopedia Sirah, sunah, dakwah dan Islam(Jilid 1)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Darusalam (2001). *Sumbangan Sarjana Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hamka, Prof. Dr. (2003). *Lembaga Budi Perhiasan Insan Cemerlang*. Shah Alam, Selangor: Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Hanafi Mohamed, Drs. (2004). *40 Perkara Yang Membatalkan Iman Menurut al-Quran dan Sunnah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Ishak Mohd Rejab (1992). *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johari Haji Alias, Haji (1991). *Membina semangat positif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Mahfodz Mohamad, Dr. (1985). *Jinayah Dalam Islam*. Persatuan Ulama Malaysia : Nurin Enterprise
- Mat Saad Abd. Rahman, Dr. (1993). *Undang-undang Jenayah Islam Jenayah Hudud*. Shah Alam: HIZBI.
- Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Jamaluddin al-Qasimi ad-Dimasqi, al-Syeikh (2006). *Pengajaran Bagi Orang-orang Mukmin daripada Ihya' Ulumuudin Imam al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Mukhlas Asy-Syarkani Al-Falahi (2006). *Keajaiban Ibadah (Membongkar Rahsia & Hikmah Ibadah)*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Mustafa Haji Daud (2002). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Willian R. Stevenson, Kol Dr (TT). *Rejimen Askar Jurutera Diraja*. Kuala Lumpur: Jabatanarah Jurutera.
- Yusof Abbas, Dr. (2006). *Bio-Mekanik Solat*. Skudai, Johor: Nur Tijarah Enterprise.
- Yusuf al-Qaradawi, Dr. (2005). *Iman dan Kehidupan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.